



Kesan Jenayah Yang Dilakukan Oleh Israel Pada Perang Oktober 2023 di Gaza Terhadap Hubungan Diplomatiknya Dengan Negara-Negara Lain

Oleh: Syed Ahmad Fathi (fathi137@gmail.com)

Pendahuluan

Kekejaman ke atas bangsa Palestin bermula pada tahun 1947-1948 apabila militia-militia Zionis mula membakar kampung-kampung dan mengusir penduduk Palestin. Sebanyak 418 kampung Palestin telah dibakar dan dihancurkan oleh militia Zionis.¹ Di atas kemusnahan kampung-kampung inilah Israel ditubuhkan. Sejak dari itu, perang Israel ke atas bangsa Palestin tidak pernah berhenti. Kekejaman, pembunuhan beramai-ramai, peperangan, pengusiran, kolonialisasi, dan pelbagai jenayah lain terus dilaksanakan oleh Israel ke atas penduduk Palestin sehinggalah ke tahun 2023. Dari kekejaman Israel ini lahirlah pelbagai bentuk gerakan perjuangan pembebasan dalam kalangan rakyat Palestin. Hari ini, mungkin gerakan Islam Hamas lebih dikenali sebagai gerakan perjuangan pembebasan Palestin, namun sebenarnya terdapat gerakan-gerakan lain termasuklah dari gerakan kiri yang memperjuangkan pembebasan Palestin.² Pada 07 Oktober 2023, Hamas yang merupakan salah satu gerakan pembebasan Palestin telah melancarkan serangan ke atas Israel melalui laut, darat, dan udara.³ Oleh kerana tidak mampu mengalahkannya, tentera Zionis Israel telah mengebom penduduk awam di Gaza. Pengeboman Israel ke atas penduduk awam yang kebanyakannya adalah kanak-kanak ini telah mendapat kecaman dunia. Penulisan ini akan melihat bagaimana jenayah Israel ke atas Palestin terutamanya pada Perang Oktober 2023 mempengaruhi hubungan diplomatik Israel dengan negara-negara lain.

Pemutusan Hubungan Diplomatik Dan Penarikan Duta Negara

Negara pertama yang memutuskan hubungan diplomatik dengan Israel disebabkan keganasan yang dilakukan di Gaza pada Oktober 2023 adalah Bolivia. Pada 31 Oktober 2023, Timbalan Menteri Luar Bolivia, Freddy Mamani berkata tindakan tersebut dilakukan sebagai penolakan dan kecaman terhadap tindakan agresif dan keterlaluhan oleh tentera Israel di Gaza.

Tekanan diplomatik ke atas Israel ini diikuti oleh negara Chile apabila presidennya, Gabriel Boric telah memanggil semula dutanya dari Tel Aviv pada 31 Oktober 2023. Menurut Boric apa yang dilakukan oleh Israel di Gaza adalah pelanggaran kepada Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa yang tidak boleh

¹ Walid Khalidi. *All That Remains: The Palestinian Villages Occupied and Depopulated by Israel in 1948*. Berkeley: University of California Press, 1991. Senarai 418 kampung yang dimusnahkan oleh militia Zionis boleh dilihat di laman web Palestine-Israel Journal. Pautan: <https://pij.org/articles/224/the-418-destroyed-villages-of-palestine>

² Syed Ahmad Fathi. "Perjuangan Palestin Daripada Sisi Golongan Kiri." *Neo-Melayu*, 2021.

³ Muhammad Fauzi Asmuni. "Taufan Al-Aqsa: Perubahan Kedudukan Kuasa Palestin-Israel?". *ISMA*, 09 Oktober 2023. Pautan: <https://isma.org.my/taufan-al-aqsa-perubahan-kedudukan-kuasa-palestin-israel/>

diterima. Boric mengecam tindakan tentera Israel yang telah melakukan serangan dan hukuman kolektif terhadap penduduk Gaza.

Selepas Chile, negara lain yang memanggil semula duta mereka adalah Colombia. Presiden Gustavo Petro mengumumkan penarikan semula duta Colombia. Menurut beliau, Colombia tidak boleh terus bersama Israel jika mereka tidak menghentikan pembunuhan beramai-ramai yang dilakukan di Palestin.⁴

Negara Arab pertama yang memanggil semula duta mereka dari Israel adalah Jordan. Sejak tahun 1994, Jordan telah mengikat perjanjian damai dengan Israel. Pada 01 November 2023, Menteri Luar Jordan, Ayman Safadi telah memanggil semula dutanya sebagai kecaman kepada pembunuhan penduduk awam di Gaza.⁵ Selepas Jordan, Bahrain menjadi negara Arab kedua yang mengambil tindakan diplomatik. Pada 02 November 2023, Parlimen Bahrain dalam satu kenyataan mengumumkan bahawa mereka telah memanggil pulang duta mereka dan memutuskan semua hubungan ekonomi dengan Israel. Duta Israel di Bahrain juga telah dihalau keluar. Bahrain menjalinkan hubungan diplomatik dengan Israel bermula pada tahun 2020 dalam siri perjanjian yang dikenali sebagai Abrahamic Accords.⁶

Negara Amerika Latin selepas Bolivia, Chile, dan Colombia yang mengenakan tindakan diplomatik ke atas Israel adalah Honduras. Pada 03 November 2023, Honduras telah memanggil semula dutanya, Roberto Martinez untuk mengadakan konsultasi dengan Presiden Xiomara Castro di Tegucigalpa perihal situasi kemanusiaan yang merungingkan di Gaza yang berlaku pada penduduk Palestin.⁷

Pada 04 November 2023, Turki telah menarik semula dutanya dari Israel kerana keengganan Israel untuk menghentikan keganasannya di Gaza. Menurut kenyataan Menteri Luar Turki, dutanya Sakir Ozkan Torunlar telah dipanggil pulang atas tragedi kemanusiaan yang dilakukan oleh Israel di Gaza. Walaubagaimanapun, menurut Presiden Erdogan, pemutusan hubungan diplomatik sepenuhnya tidak dapat dilakukan.⁸ Pada tarikh yang sama, Chad juga telah memanggil semula diplomatnya dari Israel. Dalam kenyataan Menteri Luar Chad, pegawai *chargé d'affaires* mereka di Israel telah dipanggil pulang. Chad dalam kenyataannya mengutuk pembunuhan orang awam yang tidak bersalah oleh Israel.⁹

Negara seterusnya yang memanggil semula duta dan misi diplomatik di Israel adalah Afrika Selatan. Kerajaan Afrika Selatan mengecam keras pengeboman Israel terhadap penduduk awam di Gaza sebagai satu jenayah “genocide”, iaitu satu usaha pembersihan etnik. Presidennya Khumbudzo Ntshavheni telah mengambil keputusan untuk memanggil semula semua diplomatnya dari Israel, beliau juga memberi amaran kepada duta Israel di Afrika Selatan atas tindak tanduknya. Sementara itu, rakyat Afrika Selatan telah berdemonstrasi di kedutaan Amerika Syarikat dan Israel di Pretoria dan Cape Town dan mendesak duta Israel diusir keluar dari Afrika Selatan.¹⁰

Gusar dengan keadaan ini, di mana Israel semakin hari semakin dipulau oleh negara-negara di seluruh dunia, perdana menteri Israel, Benjamin Netanyahu telah mengumpulkan dan memanggil semula duta-duta negara luar di Israel pada 06 November 2023 di Tel Aviv. Netanyahu merayu agar negara-negara lain bersama-

⁴ Antoinette Radford. “Bolivia severs diplomatic ties with Israel over Gaza war”. BBC, 01 November 2023. Pautan: <https://www.bbc.com/news/world-latin-america-67281584>

⁵ “Jordan recalls ambassador to Israel to protest Gaza ‘catastrophe’.” Aljazeera, 01 November 2023. Pautan: <https://www.aljazeera.com/news/2023/11/1/jordan-recalls-ambassador-to-israel-to-protest-gaza-catastrophe>

⁶ Sneha Swaminathan. “After Jordan, Bahrain recalls ambassador to Israel, cuts economic ties”. WION, 02 November 2023. Pautan: <https://www.wionews.com/world/after-jordan-bahrain-recalls-ambassador-to-israel-cuts-economic-ties-654405>

⁷ “Honduras recalls ambassador to Israel, following Chile and Colombia’s lead” Buenos Aires Herald, 03 November 2023. Pautan: <https://buenosairesherald.com/world/international-relations/honduras-recalls-ambassador-to-israel-following-chile-and-colombias-lead>

⁸ Brian Bushard. “Turkey Latest Pulling Ambassador From Israel — Joining These 6 Other Countries”. Forbes, 04 November 2023. Pautan: <https://www.forbes.com/sites/brianbushard/2023/11/04/turkey-latest-pulling-ambassador-from-israel---joining-these-6-other-countries/?sh=69e4848411b1>

⁹ David McKenzie, Sarah Dean, Joseph Ataman and Maya Szaniecki. “South Africa and Chad recall diplomats from Israel”. CNN, 06 November 2023.

¹⁰ Mogomotsi Magome. “South Africa recalls ambassador and diplomatic mission to Israel and accuses it of genocide in Gaza”. AP News, 06 November 2023. Pautan: <https://apnews.com/article/south-africa-israel-palestine-diplomats-withdraw-7a1a0ab8524a8d35fa05c1215766853c>

sama dengannya menyokong Israel.¹¹ Semasa ucapan Netanyahu mengajak dunia bersama Israel, mereka telah berjaya membunuh penduduk Palestin secara beramai-ramai. Menurut data dari Menteri Kesihatan di Gaza, pada 07 November 2023, Israel telah berjaya membunuh 10,022 orang manusia, dari angka ini 4,100 adalah kanak-kanak yang tidak berdosa.¹²

Pudarnya Sokongan Terhadap Israel di Amerika Syarikat

Perang yang dilancarkan kepada Gaza tidak boleh difahami sebagai hanya perang oleh Israel terhadap penduduk Palestin. Perang ini sebenarnya merupakan perang oleh Amerika Syarikat terhadap Palestin. Apabila perang Oktober 2023 bermula, Amerika Syarikat menghantar bom dan senjata setiap hari ke Israel. Menurut jurucakap Amerika Syarikat di Pentagon, Sabrina Singh, Amerika Syarikat tidak meletakkan apa-apa syarat ke atas senjata ini dan terpulang kepada tentera penjajahan Israel untuk menggunakannya sesuka hati mereka.¹³ Sokongan Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya terutamanya Eropah tidaklah menghairankan. Kerana Israel merupakan satu projek kolonial Eropah, oleh itu orang-orang Eropah merasakan Israel itu sebahagian dari mereka dan perlu dipertahankan. Namun pemikiran sempit kolonial ini sudah ketinggalan zaman, ia ditolak oleh keseluruhan dunia, bahkan rakyat di negara-negara Eropah sendiri menolaknya.

Di Amerika Syarikat sendiri, rakyat Amerika Syarikat telah berdemonstrasi secara luar biasa menolak sokongan Presiden Joe Biden kepada Israel. Pada 04 November 2023, seramai lebih 10,000 rakyat Amerika Syarikat telah berdemonstrasi di Freedom Plaza, Washington mendesak Presiden Joe Biden segera melakukan genjatan senjata dan menghentikan pembunuhan beramai-ramai yang dilakukan ke atas kanak-kanak Palestin di Gaza. Presiden Joe Biden telah digelar dengan nama barunya iaitu “Genocide Joe”, yang membawa maksud Joe si pembunuh beramai-ramai. Demonstran telah bersorak:

*“Biden, Biden, you can’t hide! We charge you with genocide!”
“Hey hey! Ho ho! Genocide Joe has got to go!”¹⁴*

Selain Washington, demonstrasi turut meletus di pelbagai ceruk di Amerika Syarikat. Di New York, ratusan demonstran dari gerakan Jewish Voice for Peace telah mengadakan demonstrasi di kawasan ikonik Statue of Liberty pada 06 November 2023 bagi menuntut genjatan senjata serta merta.¹⁵ Mereka juga telah berdemonstrasi di Grand Central, New York pada 27 Oktober 2023 di mana peristiwa ini menyaksikan 350 orang aktivis mereka ditahan. Para aktivis membawa sepanduk “ceasefire now” dan “let Gaza live”.¹⁶

Pembunuhan beramai-ramai yang dilakukan oleh Israel ke atas Gaza yang bermula pada Oktober 2023 juga menyaksikan pertembungan sengit antara solidariti Palestin melawan simpatisan apartheid Israel di kampus-kampus pengajian tinggi di Amerika Syarikat. Ratusan pelajar berdemonstrasi di Universiti Columbia, New York bagi menyatakan solidariti kepada Palestin dan mendesak agar penjajahan Israel ditamatkan.¹⁷ Di

¹¹ “WATCH: Netanyahu to foreign ambassadors: ‘There is no substitute for victory. We will defeat Hamas. We will dismantle Hamas.’” All Israel News, 06 November 2023. Pautan: <https://allisrael.com/netanyahu-to-foreign-ambassadors-there-is-no-substitute-for-victory-we-will-defeat-hamas-we-will-dismantle-hamas>

¹² Najib Jobain, Jack Jeffery and Lee Keath. “Israeli forces cut off north Gaza to isolate Hamas as an advance on the urban center looms”. AP News, 06 November 2023. Pautan: <https://apnews.com/article/israel-hamas-war-news-11-6-2023-51286d15d4dd77ae0dd7ea76ee52bc71>

¹³ “Pentagon says US sending almost daily weapons shipments to Israel” *The Times of Israel*, 30 Oktober 2023. Pautan: https://www.timesofisrael.com/liveblog_entry/pentagon-says-us-sending-almost-daily-weapons-shipments-to-israel/?fbclid=IwAR27FZwLNCj3y82nIQzgIv5iNbGzfAWZsT15wW79Ik9sN2K-tK9XOda3Sjg

¹⁴ Jack Crosbie. “‘Genocide Joe’: Massive D.C. Cease-Fire Protest Directs Its Rage at Biden”. *Rolling Stone*, 05 November 2023. Pautan: <https://www.rollingstone.com/politics/politics-features/palestine-protest-dc-directs-rage-joe-biden-1234870593/>

¹⁵ “JVP took over the Statue of Liberty to demand a ceasefire”. *Jewish Voice for Peace*, 07 November 2023. Pautan: <https://www.jewishvoiceforpeace.org/2023/11/07/wire-statue-of-liberty/>

¹⁶ “Shut it down: JVP’s Grand Central action demanding ceasefire generated wall-to-wall coverage”. *Jewish Voice for Peace*, 30 Oktober 2023. Pautan: <https://www.jewishvoiceforpeace.org/2023/10/30/shut-it-down-grand-central-coverage/>

¹⁷ Kayla Epstein. “Israel and Gaza on campus: Tumult at US colleges as two sides dig in”. *BBC*, 16 Oktober 2023. Pautan: <https://www.bbc.com/news/world-us-canada-67114291>

Universiti Harvard, 34 persatuan pelajar telah mengeluarkan kenyataan menyokong Palestin dan mengancam polisi rasisme apartheid yang diamalkan oleh Israel.¹⁸

Kerajaan Amerika Syarikat yang diperintah oleh Parti Demokrat yang diketuai “Genocide Joe” juga menghadapi masalah dari sudut politik. Ini kerana pakatan mereka bergantung kepada undi yang signifikan dari masyarakat Amerika berketurunan Arab. Sokongan masyarakat Arab Amerika terhadap “Genocide Joe” turun kepada hanya 29% pada tahun 2023 berbanding dari 74% pada tahun 2020 menurut Institut Arab Amerika. Penurunan ini disebabkan kekecewaan mereka terhadap polisi Joe Biden yang menyokong pembunuhan beramai-ramai Israel ke atas Gaza. Populasi Arab di Amerika Syarikat berjumlah 3.7 juta orang, dan undi mereka akan mempengaruhi kawasan-kawasan yang dipanggil “swing states” seperti Michigan, Ohio, dan Pennsylvania. Jika dikira bersama populasi Muslim di Amerika Syarikat, jumlah mereka adalah sekitar 7 juta orang. Jika situasi ini berterusan, “Genocide Joe” dijangka akan kalah teruk dalam Pilihanraya Presiden Amerika Syarikat yang akan berlangsung pada 05 November 2024.¹⁹

Sokongan terhadap “Genocide Joe” bukan hanya menurun dikalangan bakal pengundinya. Malah terdapat pegawai-pegawai dalam pentadbirannya sendiri yang juga tidak menyokong polisi ketenteraan Amerika Syarikat kepada Israel. Pada peringkat awal perang, apabila Amerika Syarikat bersetuju menghantar senjata kepada Israel, Josh Paul yang merupakan direktor di Biro Hal Politik-Ketenteraan di Jabatan Negara Amerika Syarikat telah meletakkan jawatan sebagai protes. Menurut beliau tiada perbincangan yang menyeluruh dilakukan sebelum kerajaan memutuskan untuk menghantar senjata ke Israel. Hal ini berbeza dengan kes-kes lain di mana ada perbincangan menyeluruh sebelum senjata dibekalkan kepada negara luar.²⁰ Sebanyak lebih 1,000 pegawai yang bertugas di dalam Agensi Bantuan Kemanusiaan Amerika Syarikat (USAID) menandatangani gesaan agar senjata segera dilaksanakan. Mereka menuntut Israel diheret ke muka pengadilan dan penjajahan Israel ditamatkan.²¹

Dalam satu memo yang dibocorkan, diplomat Amerika Syarikat sendiri telah mengkritik pentadbiran “Genocide Joe” atas sokongan tidak berasas yang diberikan kepada Israel. Mereka mengutuk serangan kejam Israel ke atas Palestin.²² Ini menunjukkan bahawa kepudaran sokongan terhadap Israel di Amerika Syarikat sebenarnya lebih besar dari apa yang disangkakan. Ini dapat dilihat dalam kalangan sentimen rakyat, pengundi, dan juga bibit-bibit kritikan yang mula keluar dari pegawai pentadbiran Amerika Syarikat sendiri. Suara rakyat Palestin juga kini sudah memasuki dewan-dewan kuasa di Amerika Syarikat. Walaupun suara mereka masih kecil jika dibandingkan dengan suara pro-Israel yang lebih kuat hasil dari lobi gerakan seperti AIPAC, ini merupakan satu perkembangan positif yang melihatkan sudah ada sedikit perubahan dalam dewan-dewan kuasa. Suara Palestin di *US House of Representatives* dibawa oleh Rashida Tlaib yang mewakili Michigan. Suara beliau sangat ditakuti sehingga dewan di Amerika Syarikat pada 07 November 2023 meluluskan usul agar beliau dikedam (*censure*).²³ Kecaman ini hanya membuktikan bahawa lobi pro-Israel di Amerika Syarikat mula kehilangan pengaruh, suara-suara Palestin yang tumbuh terpaksa dihalang dengan kuasa. Namun ini hanya akan menyebabkan orang mula bersimpati dengan Palestin, mereka akan melihat bagaimana kuasa digunakan untuk menutup jenayah perang. Situasi ini hanya akan menyebabkan suara Palestin semakin kuat dan berkembang. Lebih kuat kuasa yang menindasnya, maka lebih kuat reaksi penentangan akan berlangsung.

¹⁸ “Harvard students blame ‘apartheid regime’ for Israel-Gaza war, alumni react”. *Aljazeera*, 10 Oktober 2023. Pautan: <https://www.aljazeera.com/news/2023/10/10/harvard-students-blame-apartheid-regime-for-israel-gaza-war-alumni-react>

¹⁹ Darren Lyn. “Crisis for US Democrats as Arab American voters ditch Gaza ‘genocide accomplice’ Biden”. *Anadolu Agency*, 06 November 2023. Pautan: <https://www.aa.com.tr/en/americas/crisis-for-us-democrats-as-arab-american-voters-ditch-gaza-genocide-accomplice-biden/3045299#>

²⁰ Syed Ahmad Fathi. “Josh Paul Meletakkan Jawatan Kerana Tidak Mahu Amerika Syarikat Menghantar Senjata Ke Israel Bagi Membunuh Rakyat Gaza.” *Isu Semasa*, 2023.

²¹ Ali Harb. More than 1,000 USAID employees sign letter backing Israel-Gaza ceasefire. *Aljazeera*, 08 November 2023. Pautan: <https://www.aljazeera.com/news/2023/11/8/more-than-1000-usaid-employees-sign-letter-backing-gaza-ceasefire>

²² “New leaked memo sees US diplomats call for ceasefire in Gaza and public criticism of Israel”. *The New Arab*, 07 November 2023. Pautan: <https://www.newarab.com/news/us-diplomats-call-gaza-ceasefire-criticism-israel>

²³ Clare Foran, Melanie Zanona, Annie Grayer and Morgan Rimmer. “House passes resolution to censure Tlaib over Israel comments”. *CNN*, 08 November 2023. Pautan: <https://edition.cnn.com/2023/11/07/politics/rashida-tlaib-censure-vote/index.html>

Reaksi Negara-Negara Lain Ke Atas Israel

Selain tindakan diplomatik yang jelas seperti pemutusan hubungan dan penarikan duta. Jenayah pembunuhan beramai-ramai yang dilakukan oleh Israel kepada Gaza turut mendapat reaksi dari negara-negara dunia. Tindakan ketenteraan Israel ke atas penduduk Palestin di Gaza mendapat sokongan yang kuat dari Amerika Syarikat. Amerika bukan sahaja membekalkan senjata kepada Israel, tetapi memberikan perlindungan diplomatik kepada Israel dalam forum antarabangsa. Amerika Syarikat menolak sebarang usaha genjatan senjata bagi membenarkan Israel terus membunuh kanak-kanak di Gaza.²⁴ “Genocide Joe” malah meminta tambahan 14.3 billion Dollar dari duit cukai rakyat Amerika Syarikat untuk membantu Israel membunuh rakyat Gaza.²⁵

Namun sokongan Amerika Syarikat ini mula menampakkan tentangan dari beberapa negara Barat yang secara tradisinya menyokong dan bersekutu dengan Amerika Syarikat. Parlimen Wales sebagai contoh telah mengutuk serangan di Gaza dan mendesak agar genjatan senjata segera dibuat.²⁶ Desakan ini bertentangan dengan posisi Amerika Syarikat yang mahukan Israel terus membunuh rakyat Palestin.

Menteri Hak Sosial Sepanyol, Ione Belarra menggesa Israel dikenakan sekatan (*sanction*) atas jenayah pembunuhan beramai-ramai terancang (*planned genocide*) yang dilaksanakannya.²⁷ Gesaan Belarra ini diikuti dengan gesaan yang sama oleh Timbalan Perdana Menteri Belanda, Petra De Sutter. Beliau menggesa sekatan dikenakan ke atas Israel dan siasatan hendaklah dijalankan atas tindakan Israel mengebom hospital dan kem pelarian. Menurut De Sutter pengeboman Israel ini tidak berperikemanusiaan dan jelas Israel tidak peduli gesaan masyarakat antarabangsa yang mahukan genjatan senjata segera dilaksanakan.²⁸ Malah sokongan Israel semakin merosot hingga Belgium dan beberapa negara Eropah lain sedang mempertimbangkan dasar untuk mengiktiraf Palestin sebagai sebuah negara.²⁹

Walaupun pada mulanya, sekutu-sekutu Amerika Syarikat di Barat, sama-sama berkokok bahawa “*Israel has the right to defend itself*”, konsensus ini semakin lama semakin goyah. Imej kematian kanak-kanak yang keluar telah memuncakkan perasaan penduduk dunia. Protes besar-besaran berlangsung di bandar-bandar besar Eropah. Konsensus ini akhirnya pecah apabila Presiden Perancis, Emmanuel Macron pada 11 November 2023 berkata dalam satu temu ramah bahawa “Israel perlu berhenti membunuh bayi dan perempuan”. Macron menyatakan bahawa pembunuhan yang dilakukan Israel tidak dapat dijustifikasikan dan beliau menggesa segera dilakukan genjatan senjata. Seruan ini bertentangan dengan posisi “Genocide Joe” yang mahukan Israel meneruskan kekejaman penjajahannya. Di sini kita melihat, sekutu Amerika Syarikat sendiri sudah tidak dapat bertahan dengan tekanan domestik dan antarabangsa. Ini akan membawa kepada isolasi Israel dan Amerika Syarikat secara keseluruhan di arena antarabangsa.³⁰

Israel Merasai Tekanan Antarabangsa

Semua tekanan antarabangsa ini dirasai oleh Israel, dalam satu analisis yang ditulis oleh Amos Harel dalam Haaretz pada 09 November 2023, beliau menyatakan bahawa penjajahan Israel ke atas Gaza pada Perang Oktober 2023 perlu berlumba dengan tekanan masyarakat antarabangsa. Hamas menurut beliau, melihat

²⁴ “Blinken rejects push by Arab states for immediate Gaza ceasefire”. *Aljazeera*, 05 November 2023. Pautan: <https://www.aljazeera.com/program/newsfeed/2023/11/5/blinker-rejects-push-by-arab-states-for-immediate-gaza-ceasefire>

²⁵ Farrah Hassen. “Americans Want A Ceasefire. It’s Our Politicians Who Are Out Of Touch”. *Foreign Policy in Focus*. 08 November 2023. Pautan: <https://fpif.org/americans-want-a-ceasefire-its-our-politicians-who-are-out-of-touch/>

²⁶ David Deans. “Gaza: Welsh Parliament calls for ceasefire”. BBC, 09 November 2023. Pautan: <https://www.bbc.com/news/uk-wales-politics-67357824>

²⁷ Graham Keeley. “Spain’s Ione Belarra: Israel must end ‘genocide’ of Palestinians in Gaza”. *Aljazeera*, 08 November 2023. Pautan: <https://www.aljazeera.com/news/2023/11/8/deafening-silence-spanish-minister-calls-on-europe-to-sanction-israel>

²⁸ “Belgium wants sanctions against Israel for Gaza bombings - deputy PM”. *Middle East Monitor*, 08 November 2023. Pautan: <https://www.middleeastmonitor.com/20231108-belgium-wants-sanctions-against-israel-for-gaza-bombings-deputy-pm/>

²⁹ Safaa Kasraoui. “Belgium Considers Recognizing State of Palestine, Vows Sanctions Against Israel”. *Morocco World News*, 09 November 2023. Pautan: <https://www.morocoworldnews.com/2023/11/358862/belgium-considers-recognizing-state-of-palestine-vows-sanctions-against-israel>

³⁰ “Macron calls on Israel to stop killing Gaza’s women and babies”. BBC, 11 November 2023. Pautan: <https://www.bbc.com/news/world-europe-67356581>

kepada mobilisasi Israel secara besar-besaran memilih strategi menunggu di dalam terowong mereka.³¹ Strategi Hamas ini ada logiknya kerana mereka akan mempunyai kelebihan dalam perang jangka masa panjang. Selain tekanan antarabangsa yang kian memuncak semakin lama Israel meneruskan penjajahan, Israel juga mengalami tekanan ekonomi. Anggaran yang dibuat oleh Kementerian Kewangan Israel, kos peperangan dijangka berjumlah 200 billion Shekels bersamaan dengan 51 billion Dollar. Anggaran ini dibuat dengan anggapan perang tidak melebihi 1 tahun dan perang tidak merebak ke kawasan-kawasan lain.³²

Selain dari tekanan antarabangsa dan ekonomi, Israel juga berhadapan dengan tekanan domestik. Angka kematian yang ramai akan menyebabkan perang yang dilancarkan oleh Israel semakin tidak popular dikalangan rakyatnya sendiri. Berbanding dengan peperangan pada tahun 2014, perang yang bermula pada Oktober 2023 menyaksikan korban tentera Israel naik mendadak sebanyak dua kali ganda. 67 tentera Israel mati semasa perang 2014 yang berlangsung selama 7 minggu. Manakala pada Perang Oktober 2023, Israel merekodkan kematian 26 tentera hanya dalam masa satu minggu.³³ Angka ini bagaimanapun tidak tepat sepenuhnya kerana Israel tidak mengesahkan banyak kematian, angka sebenar kemungkinan jauh lebih tinggi. Pada 10 November 2023, angka kematian tentera penjajahan Israel yang diumumkan meningkat kepada 38 orang.³⁴ Peningkatan angka kematian tentera setiap hari akan memberi tekanan domestik kepada Israel untuk menghentikan penjajahan di Gaza.

Rumusan

Menurut John Mearsheimer, Israel tidak mungkin akan dapat mengalahkan Hamas.³⁵ Perang gerila menggunakan terowong akan memberikan banyak kelebihan pada Hamas, dan menatijahkan korban yang sangat banyak kepada tentera Israel. Sekali pun Israel berjaya memusnahkan kebolehan ketenteraan Hamas, mereka tidak akan dapat menghapuskan Hamas kerana Hamas adalah idea pembebasan. Penghapusan Hamas hanya akan melahirkan Hamas 2.0 dan seterusnya. Ia tidak akan berhenti sehingga penjajahan terhenti dan hak mereka dikembalikan. Penulisan ini telah meninjau bagaimana pembunuhan beramai-ramai rakyat Palestin di Gaza memberikan implikasi buruk pada Israel di dalam arena diplomasi antarabangsa. Sokongan terhadap Israel oleh sekutu tradisi mereka iaitu Amerika Syarikat juga semakin hari semakin terhakis. Tanpa Amerika Syarikat, Israel akan jatuh dengan cepat seperti mana runtuhnya kerajaan boneka di Afghanistan dalam hanya beberapa jam selepas Amerika Syarikat meninggalkannya. Israel akan semakin terisolasi dan hilang sekutu-sekutu tradisi mereka. Dari analisa ini, dapatlah kita fahami bahawa kejatuhan Israel itu pasti. Cuma yang belum pasti adalah garis masa tentang bila ia akan berakhir.

***Nota:** Tulisan ini diterbitkan pada 11 November 2023. Pada ketika ini perang antara Hamas dan Israel masih berterusan dan memasuki hari yang ke-35. Setakat artikel ini ditulis, perang ini masih berlangsung dan pastilah banyak lagi perkara yang akan terjadi dan tidak dimuatkan dalam penulisan kali ini. Data-data harian seperti jumlah rakyat Palestin yang dibunuh Israel dan juga jumlah askar Israel yang terbunuh dalam pertempuran pasti akan meningkat setiap hari.*

³¹ Amos Harel. "As Israeli Troops Push Into Gaza City, the International Clock Is Ticking". *Haaretz*, 09 November 2023. Pautan: <https://www.haaretz.com/israel-news/2023-11-09/ty-article/.premium/as-israeli-troops-push-into-gaza-city-the-international-clock-is-ticking/0000018b-b089-df42-a78f-bdcb20530000>

³² Abdel Ra'ouf Arnaot. Initial cost of Gaza war for Israel amounts to \$51B: Report. *Anadolu Agency*. 05 November 2023. Pautan: <https://www.aa.com.tr/en/middle-east/initial-cost-of-gaza-war-for-israel-amounts-to-51b-report/3044401>

³³ Hamas Has Deadlier Weapons Than the Last Time Israel Invaded Gaza. *The Wall Street Journal*, 06 November 2023. Pautan: https://www.wsj.com/livecoverage/israel-hamas-war-gaza-strip-2023-11-04/card/hamas-has-deadlier-weapons-than-the-last-time-israel-invaded-gaza-Ee1MMVvCFa4SCEQIMOK0?fbclid=IwAR1SIWdMhAMYUehls5N_g5MoWbCjQDNl5qZneOJ-wKDqSQJlg4pxRj8qic

³⁴ Abdelraouf Arna'out. Another Israeli soldier killed in Gaza brings death toll since start of ground operation to 38. *Anadolu Ajansi*, 10 November 2023. Pautan: <https://www.aa.com.tr/en/middle-east/another-israeli-soldier-killed-in-gaza-brings-death-toll-since-start-of-ground-operation-to-38/3049461>

³⁵ Syed Ahmad Fathi. "Israel Tidak Mungkin Akan Berjaya Menghapuskan Hamas Melalui Perang Darat Menurut John Mearsheimer." *Isu Semasa*, 2023.

Bibliografi

- Arnaot, Abdel Ra'ouf. 2023. "Initial cost of Gaza war for Israel amounts to \$51B: Report." *Anadolu Agency*. November 05 . <https://www.aa.com.tr/en/middle-east/initial-cost-of-gaza-war-for-israel-amounts-to-51b-report/3044401> .
- Arna'out, Abdelraouf. 2023. "Another Israeli soldier killed in Gaza brings death toll since start of ground operation to 38." *Anadolu Agency*. November 10 . <https://www.aa.com.tr/en/middle-east/another-israeli-soldier-killed-in-gaza-brings-death-toll-si>.
2023. "Belgium wants sanctions against Israel for Gaza bombings - deputy PM." *Middle East Monitor*. November 08 . <https://www.middleeastmonitor.com/20231108-belgium-wants-sanctions-against-israel-for-gaza-bombings-deputy-pm/> .
2023. "Blinken rejects push by Arab states for immediate Gaza ceasefire." *Aljazeera*. November 05 . <https://www.aljazeera.com/program/newsfeed/2023/11/5/blinken-rejects-push-by-arab-states-for-immediate-gaza-ceasefire> .
- Bushard, Brian. 2023. "Turkey Latest Pulling Ambassador From Israel — Joining These 6 Other Countries." *Forbes*. November 04 . <https://www.forbes.com/sites/brianbushard/2023/11/04/turkey-latest-pulling-ambassador-from-israel---joining-these-6-other-co>.
- Crosbie, Jack. 2023. "Genocide Joe?: Massive D.C. Cease-Fire Protest Directs Its Rage at Biden." *Rolling Stone*. November 05 . <https://www.rollingstone.com/politics/politics-features/palestine-protest-dc-directs-rage-joe-biden-1234870593/>.
- Deans, David. 2023. "Gaza: Welsh Parliament calls for ceasefire." *BBC*. November 09 . <https://www.bbc.com/news/uk-wales-politics-67357824> .
- Epstein, Kayla. 2023. "Israel and Gaza on campus: Tumult at US colleges as two sides dig in." *BBC*. October 16 . <https://www.bbc.com/news/world-us-canada-67114291>.
- Foran, Clare , Melanie Zanona, Annie Grayer, and Morgan Rimmer. 2023. "House passes resolution to censure Tlaib over Israel comments." *CNN*. November 08. <https://edition.cnn.com/2023/11/07/politics/rashida-tlaib-censure-vote/index.html>.
2023. " Hamas Has Deadlier Weapons Than the Last Time Israel Invaded Gaza." *The Wall Street Journal*. November 06 . <https://www.wsj.com/livecoverage/israel-hamas-war-gaza-strip-2023-11-04/card/hamas-has-deadlier-weapons-than-the-last-time-israel-invaded>.
- Harb, Ali. 2023. "More than 1,000 USAID employees sign letter backing Israel-Gaza ceasefire." *Aljazeera*. November 08 . <https://www.aljazeera.com/news/2023/11/8/more-than-1000-usaid-employees-sign-letter-backing-gaza-ceasefire>.
- Harel, Amos. 2023. "As Israeli Troops Push Into Gaza City, the International Clock Is Ticking." *Haaretz*. November 09 . <https://www.haaretz.com/israel-news/2023-11-09/ty-article/.premium/as-israeli-troops-push-into-gaza-city-the-international-clock-is>.
2023. "Harvard students blame 'apartheid regime' for Israel-Gaza war, alumni react." *Aljazeera*. October 10 . <https://www.aljazeera.com/news/2023/10/10/harvard-students-blame-apartheid-regime-for-israel-gaza-war-alumni-react> .
- Hassen, Farrah. 2023. "Americans Want A Ceasefire. It's Our Politicians Who Are Out Of Touch." *Foreign Policy in Focus*. November 08 . <https://fpif.org/americans-want-a-ceasefire-its-our-politicians-who-are-out-of-touch/> .

2023. "Honduras recalls ambassador to Israel, following Chile and Colombia's lead." *Buenos Aires Herald*. November 03 . <https://buenosairesherald.com/world/international-relations/honduras-recalls-ambassador-to-israel-following-chile-and-colombias-lead>.
- Jobain, Najib , Jack Jeffery, and Lee Keath. 2023. "Israeli forces cut off north Gaza to isolate Hamas as an advance on the urban center looms." *AP News*. November 06 . <https://apnews.com/article/israel-hamas-war-news-11-6-2023-51286d15ddd77ae0dd7ea76e>.
2023. "Jordan recalls ambassador to Israel to protest Gaza 'catastrophe'." *Aljazeera*. November 01 . <https://www.aljazeera.com/news/2023/11/1/jordan-recalls-ambassador-to-israel-to-protest-gaza-catastrophe> .
2023. "JVP took over the Statue of Liberty to demand a ceasefire." *Jewish Voice for Peace*. November 07 . <https://www.jewishvoiceforpeace.org/2023/11/07/wire-statue-of-liberty/> .
- Kasraoui, Safaa. 2023. "Belgium Considers Recognizing State of Palestine, Vows Sanctions Against Israel." *Morocco World News*. November 09 . <https://www.morocoworldnews.com/2023/11/358862/belgium-considers-recognizing-state-of-palestine-vows-sanction>.
- Keeley, Graham. 2023. "Spain's Ione Belarra: Israel must end 'genocide' of Palestinians in Gaza." *Aljazeera*. November 08 . <https://www.aljazeera.com/news/2023/11/8/deafening-silence-spanish-minister-calls-on-europe-to-sanction-israel>.
- Khalidi, Walid. 1991. *All That Remains: The Palestinian Villages Occupied and Depopulated by Israel in 1948*. Berkeley: University of California Press.
- Lyn, Darren. 2023. "Crisis for US Democrats as Arab American voters ditch Gaza 'genocide accomplice' Biden." *Anadolu Agency*. November 06 . <https://www.aa.com.tr/en/americas/crisis-for-us-democrats-as-arab-american-voters-ditch-gaza-genocide-accomplic>.
2023. "Macron calls on Israel to stop killing Gaza's women and babies." *BBC*. November 11 . <https://www.bbc.com/news/world-europe-67356581> .
- Magome, Mogomotsi. 2023. "South Africa recalls ambassador and diplomatic mission to Israel and accuses it of genocide in Gaza." *AP News*. November 06 . <https://apnews.com/article/south-africa-israel-palestine-diplomats-withdraw-7a1a0ab8524a8d35fa05c12>.
- McKenzie, David , Sarah Dean, Joseph Ataman, and Maya Szaniecki. 2023. "South Africa and Chad recall diplomats from Israel." *CNN*. November 06 . <https://edition.cnn.com/2023/11/06/africa/south-africa-chad-recall-diplomats-from-israel-intl/index.html>.
- Muhammad Fauzi Asmuni. 2023. "Taufan Al-Aqsa: Perubahan Kedudukan Kuasa Palestin-Israel." *ISMA*. October 09. <https://isma.org.my/taufan-al-aqsa-perubahan-kedudukan-kuasa-palestin-israel/>.
2023. "New leaked memo sees US diplomats call for ceasefire in Gaza and public criticism of Israel." *The New Arab*. November 07 . <https://www.newarab.com/news/us-diplomats-call-gaza-ceasefire-criticism-israel> .
2023. "Pentagon says US sending almost daily weapons shipments to Israel." *The Times of Israel*. October 30 . https://www.timesofisrael.com/liveblog_entry/pentagon-says-us-sending-almost-daily-weapons-shipments-to-israel/?fbclid=IwAR27FZwLNCj3y82nIQzg.
- Radford, Antoinette. 2023. "Bolivia severs diplomatic ties with Israel over Gaza war." *BBC*. November 01. <https://www.bbc.com/news/world-latin-america-67281584> .

2023. "Shut it down: JVP's Grand Central action demanding ceasefire generated wall-to-wall coverage." *Jewish Voice for Peace*. October 30 . <https://www.jewishvoiceforpeace.org/2023/10/30/shut-it-down-grand-central-coverage/> .

Swaminathan, Sneha. 2023. "After Jordan, Bahrain recalls ambassador to Israel, cuts economic ties." *WION*. November 02 . <https://www.wionews.com/world/after-jordan-bahrain-recalls-ambassador-to-israel-cuts-economic-ties-654405> .

Syed Ahmad Fathi. 2023. "Israel Tidak Mungkin Akan Berjaya Menghapuskan Hamas Melalui Perang Darat Menurut John Mearsheimer." *Isu Semasa*.

Syed Ahmad Fathi. 2023. "Josh Paul Meletakkan Jawatan Kerana Tidak Mahu Amerika Syarikat Menghantar Senjata Ke Israel Bagi Membunuh Rakyat Gaza." *Isu Semasa*.

Syed Ahmad Fathi. 2021. "Perjuangan Palestin Daripada Sisi Golongan Kiri." *Neo-Melayu*.

2023. "WATCH: Netanyahu to foreign ambassadors: 'There is no substitute for victory. We will defeat Hamas. We will dismantle Hamas!'" *All Israel News*. November 06 . <https://allisrael.com/netanyahu-to-foreign-ambassadors-there-is-no-substitute-for-vi>.

